

09 AUG 2001
GPMS-Meritokrasi
PMS LEGA PENJELASAN MERITOKRASI PM

KUALA TERENGGANU, 9 Ogos (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) melahirkan rasa lega dengan penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung pelaksanaan dasar meritokrasi dalam pengambilan penuntut Bumiputera di institut-institut pengajian tinggi.

Setiausaha Agungnya Syed Anuar Syed Mohamad berkata, penjelasan itu wajar disambut secara positif oleh semua pihak kerana ia jelas mempunyai matlamat yang baik untuk melahirkan graduan yang berkualiti.

"GPMS lega dengan penjelasan berkenaan kerana terdapat kekeliruan yang timbul sebelum ini mengenai dasar baru kerajaan itu dan berharap ia juga diterima baik oleh semua pihak," katanya kepada BERNAMA di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang berkata sistem kuota bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke universiti akan dikekalkan tetapi pada masa yang sama dasar meritokrasi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Menurut Perdana Menteri pelaksanaan dasar meritokrasi secara menyeluruh hanya akan mengakibatkan bilangan pelajar Bumiputera di universiti berkurangan malah mungkin tiada langsung dalam bidang tertentu.

Syed Anuar berkata memandangkan pelaksanaan dasar itu secara berperingkat-peringkat, pelajar khususnya yang berada di tingkatan lima dan enam sekarang perlu membuat persiapan lebih awal.

Sementara itu, beliau berkata GPMS juga akan menyahut seruan pemimpin negara untuk turun padang mendekati dan mengatur pelbagai program meningkatkan kecemerlangan pendidikan di kalangan pelajar.

"Kelas tambahan dan kelas motivasi yang sedang dilaksanakan sekarang akan diaktifkan lagi dengan membabitkan tenaga yang lebih ramai dan kaedah yang berkesan bagi mencapai matlamat kerajaan untuk melahirkan pelajar cemerlang," katanya.

GPMS akan menganjurkan Konvensyen Pelajar Melayu selama dua hari bermula 13 Ogos ini bertempat di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Bangi membabitkan lebih 2,000 orang pelajar dan pemimpin GPMS di seluruh negara.

Menurut Syed Anuar Konvensyen yang bertemakan Memperkasa Akal Budi itu antara lain bertujuan memperjelaskan kepada pelajar mengenai pentingnya ilmu dan budi sebagai tunggak kepada kecemerlangan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Ketua Penasihat GPMS akan merasmikan konvensyen itu.

-- BERNAMA
AYB MRA PR